

Niaga!

✉ niagakosmo@mediamulia.com.my

Wage Guide perkasa graduan TVET

PETALING JAYA – Graduan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bakal menikmati prospek kerjaya lebih baik pada masa hadapan dengan memanfaatkan kemudahan *Wage Guide* yang disediakan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).


Kemudahan tersebut yang tersedia di laman web *eiscentre.perkeso.gov.my* menggunakan teknologi analisis data bagi menyediakan profil dan julat gaji mengikut jenis pekerjaan, terutama dalam bidang teknikal dan vokasional.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, usaha memperkasakan graduan TVET dengan pemprofilan gaji menggunakan *Wage Guide* membantu graduan membuat keputusan tepat dalam kerjaya.

"*Wage Guide* memanfaatkan kecerdasan buatan (AI) dengan menghasilkan graf panduan berkenaan gaji kepada graduan TVET, sekali gus membolehkan mereka membuat keputusan yang lebih baik.

"Menggunakan teknik pembelajaran mesin yang mengambil kira faktor seperti umur, pekerjaan, lokasi dan kelayakan, *Wage Guide* menjana profil gaji yang menunjukkan ramalan julat gaji mengikut pekerjaan dan umur," katanya.

Menurut beliau, *Wage Guide* memainkan peranan penting dalam memperkasakan graduan TVET terutama dalam pasaran pekerjaan yang bergaji rendah mengikut gaji minimum dari RM1,500 sehingga RM2,000 sebulan.



PERKESO membangunkan kemudahan *Wage Guide* dan *Career Bridge Tool* untuk memudahkan graduan TVET membuat ramalan pekerjaan dan gaji yang diperolehi. – GAMBAR HIASAN

"Berebalkan maklumat daripada *Wage Guide*, graduan mampu berunding dengan majikan untuk mendapatkan gaji lebih tinggi setaraf kelayakan dan kemahiran mereka, sekali gus menghasilkan pepadanan lebih baik dengan peluang pekerjaan bersesuaian.

"Pada masa sama, apabila menyedari bahawa bakal pekerja mempunyai akses kepada maklumat gaji, *Wage Guide* turut dilihat bakal mewujudkan persaingan yang

baik dalam kalangan majikan untuk memberikan tawaran gaji 'bermaruah' kepada graduan TVET.

"Ini dapat mewujudkan pasaran pekerjaan yang sihat dengan tumpuan pengambilan pekerja beralih kepada tawaran gaji lebih adil dan berdaya saing," katanya.

Sivakumar menambah, satu lagi peralatan disediakan di *eiscentre.perkeso.gov.my* bagi membantu prospek perkembangan kerjaya ialah *Career Bridge Tool*, yang mem-

bolehkan graduan TVET meneroka peluang pekerjaan mengikut bidang pilihan mereka dengan memberikan akses kepada pangkalan data menyeluruh dalam membantu menunjukkan potensi laluan kerjaya," katanya.

Untuk menggunakan *Career Bridge Tool*, pengguna perlu memilih tahap kelayakan dan membuat carian nama kelayakan mereka, kemudian klik pada butiran jawatan kosong untuk memaparkan senarai kekosongan jawatan yang mengandungi nama pekerjaan, nama majikan, lokasi, jenis kontrak dan julat gaji.

Seterusnya, graduan TVET boleh memohon jawatan yang mereka minati dengan log masuk ke portal MYFutureJobs.



V. SIVAKUMAR

TARIKH: 25/8/23
SURAT KHABAR: Kosmo
MUKA SURAT: 36.